



Statistik Banci Malaysia bantu tadbir urus kerajaan

KOTA KINABALU: Kerajaan negeri akan menggunakan statistik hasil penemuan Banci Malaysia 2020 untuk mentadbir urus negeri dengan lebih cekap dan efisien seiring dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Hala tuju Sabah Maju Jaya (SMJ).

Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor berkata, pelaksanaan Pelan Pembangunan SMJ ialah untuk memastikan pembangunan ekonomi negeri ke arah mencapai pengagihan ekonomi yang adil, saksama, dan inklusif kepada semua peringkat kumpulan pendapatan di Sabah.

Katanya, sejajar dengan Hala Tuju SMJ, statistik yang dikeluarkan dalam Penerbitan Utama Banci Malaysia 2020 di peringkat negeri dan daerah pentadbiran boleh digunakan sebagai rujukan dan input yang kritikal bagi mengukur pelaksanaan program pembangunan sosio ekonomi.

“Statistik ini amat penting sebagai maklumat yang signifikan kepada kerajaan negeri dalam pemantauan dan penilaian keberkesanan program pembangunan, pelaksanaan keputusan dan penyelidikan di peringkat negeri, daerah pentadbiran, parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN).

“Data ini juga boleh dijadikan sebagai rujukan oleh kerajaan negeri untuk menyediakan input terbaik dalam menjayakan agenda pembangunan yang digariskan dalam Hala Tuju SMJ pada masa akan datang,” jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Siri Jelajah Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 Negeri Sabah di sini hari ini.

Hajiji berkata, antara penemuan utama Statistik Subnasional DUN bagi Sabah menunjukkan DUN Karambunai mempunyai bilangan penduduk dan tempat kediaman tertinggi iaitu 164,000 orang dan 35,463 tempat kediaman.

Katanya, DUN Banggi mencatatkan bilangan penduduk dan tempat kediaman terendah iaitu 9,000 orang dan 2,588 tempat kediaman.

Selain itu jelasnya, daerah Kota Kinabalu mempunyai jumlah penduduk tertinggi iaitu 500,421 orang, diikuti daerah Sandakan iaitu seramai 439,050 orang.

“Jika dilihat dari segi komposisi penduduk umur muda pula, daerah Putatan mencatatkan 34.5 peratus, sekali gus menjadi daerah yang mempunyai komposisi penduduk umur muda yang paling ramai.

“Data dan statistik ini dapat memberi gambaran sebenar mengenai situasi kependudukan semasa di negeri ini,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Siri Jelajah Penemuan Utama Banci Malaysia 2020 Negeri Sabah pertama kali dianjurkan oleh **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)** di peringkat negeri.

Menurutnya, ia bertujuan meningkatkan kesedaran berkaitan penemuan dan statistik yang diterbitkan hasil daripada pelaksanaan Banci Malaysia 2020.

Sehubungan itu, beliau berharap DOSM akan terus mengeluarkan data yang memenuhi aspirasi dan kehendak pemegang taruh serta keperluan pelbagai peringkat yang diterjemahkan melalui peningkatan ketersediaan data sosial dan ekonomi.

Turut hadir, Menteri Pembangunan Masyarakat dan Kesejahteraan Rakyat Datuk Shahelmey Yahya dan Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin.

<https://sabahbarunews.com/statistik-banci-malaysia-bantu-tadbir-urus-kerajaan/>